

Media Title : Utusan Borneo (Sarawak)
Headline : KRT berjasa bantu golongan terjejas ketika pandemik
Date : 20 March 2022
Page : 4

KRT berjasa bantu golongan terjejas ketika pandemik

BINTULU: Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah memainkan peranan besar semasa negeri ini dilanda pandemik COVID-19 terutama membantu golongan terjejas pendapatan dan hilang mata pencarian semasa tempoh sukar tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Batu Johnny Pang Leong Ming berkata, Program RT Care semasa COVID-19 misalnya, antara yang terlibat secara langsung dalam membantu golongan asnaf dan rakyat yang terjejas pendapatan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang COVID-19.

Selain terlibat dalam menyalur bantuan katanya, KRT turut terlibat menjaga keselamatan kampung dan beberapa tugas lain untuk memelihara komuniti setempat.

“Ziarah Perpaduan yang dilaksana juga memberi tanggungjawab KRT dalam menangani isu, masalah, keperluan dan kebajikan komuniti setempat,” ujarnya ketika merasmikan Majlis Makan Malam dan Penyampaian Sijil Keahlian KRT Kampung Assyakirin Fasa 2 di sini, malam kelmarin.

Beliau turut memuji pencapaian KRT Kampung



KEAHLIAN: Johnny (dua kanan) menyampaikan sijil keahlian kepada penduduk KRT Kampung Assyakirin Fasa 2.

Assyakirin dalam Program Kibar Jalur Gemilang Peringkat Bahagian Bintulu dengan muncul johan semasa sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun 2020.

Pada masa sama, Johnny berharap KRT merangka program-program, menggalas tugas dan memperkasakan KRT melalui aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong, sukan dan rekreasi dalam usaha membudaya kehidupan sihat untuk semua golongan sekali gus mengeratkan perpaduan antara satu sama lain.

“Sebagai wakil rakyat yang dipilih untuk DUN N.68 Tanjung Batu, saya akan sentiasa memberikan sokongan kepada program-program KRT yang dilaksanakan

untuk manfaat seluruh penduduk,” katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada ahli jawatankuasa baharu KRT yang terpilih untuk sesi tahun 2022-2023 serta berharap mereka akan dapat menggalas amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

Hadir sama Pegawai Perpaduan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Bahagian Bintulu Diana Seliman, Penolong Pegawai Perpaduan merangkap Penyelaras KRT Kampung Assyakirin Fasa 2 Susilia Tini, Pengurus KRT Kampung Assyakirin Fasa 2 Awang Madihi Awang Yatim dan ahli-ahli KRT Kampung Assyakirin Fasa 2.